



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 15/2011 (10 hingga 16 April 2011)

Sepanjang minggu ke-15 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 10 hingga 16 April, sejumlah 398 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 42 kes atau 12% berbanding 356 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat lapan buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu P.Pinang yang meningkat sebanyak 20 kes (87%), Selangor 16 kes (10%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 11 kes (31%), Kedah 4 kes (133%), Terengganu 2 kes (33%), Sabah 2 kes (33%), Johor 2 kes (7%) dan Sarawak meningkat sebanyak 1 kes (9%) (Lampiran A).

Bermula dari Januari hingga 16 April 2011 sebanyak 6,250 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 58% atau 8,530 kes berbanding dengan 14,780 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 83% atau 43 kematian, di mana terdapat 9 kematian bagi tahun 2011 berbanding 52 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sehingga minggu ke-15, sejumlah 96 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh negara berbanding dengan 68 lokaliti pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 41% lokaliti. Bagi negeri Perlis, Kedah, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah dan WP Labuan, tiada wabak Denggi dilaporkan. Sejak 2 minggu lepas, situasi

wabak Denggi di seluruh negara terkawal dan tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan. Ini merupakan hasil kerjasama dan usaha berterusan daripada masyarakat dalam memastikan kawasan mereka bersih dan tiada pembiakan Aedes.

Tindakan berterusan daripada masyarakat amat diperlukan bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. Aktiviti gotong-royong perlu diadakan bagi mencegah kejadian kes Demam Denggi terutama dikawasan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti Selangor, WP Kuala Lumpur dan Johor. Kerjasama yang berterusan ini telah menunjukkan kesan yang positif dalam penurunan kes Denggi sebelum ini.

Penurunan kes denggi juga didorong oleh mobilisasi komuniti menerusi 1,906 projek COMBI komuniti dan 201 projek COMBI oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan seluruh negara dan kempen berterusan melalui media massa seperti di televisyen, radio, surat khabar serta iklan di bas, papan iklan di sekolah dan komuniti. Kempen berterusan mampu memupuk dan menyuntik kesedaran yang berterusan dalam kalangan masyarakat. Program Jom Ganyang Aedes yang dimulakan pada Julai 2010 diperluaskan ke seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 10 hingga 16 April 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 533 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

**DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

18 April 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2011  
(10 hingga 16 April 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2010
		Minggu 15 (10 – 16 April 2011)	Minggu 14 (3 – 9 April 2011)		
1	Perlis	1	1	21	38
2	Kedah	7	3	147	176 (2)
3	P. Pinang	43	23	535 (1)	347 (2)
4	Perak	22	27	409	506 (1)
5	Selangor	180	164	2,241 (2)	6,999 (27)
6	WPKL & Putrajaya	47	36	480	1,639 (4)
7	N. Sembilan	13	17	209	640 (1)
8	Melaka	5	7	153	139 (2)
9	Johor	33	31	640 (4)	891 (3)
10	Pahang	11	14	352 (1)	387 (1)
11	Terengganu	8	6	297 (1)	303
12	Kelantan	8	10	234	336 (2)
13	Sarawak	12	11	351	1,755 (6)
14	Sabah	8	6	176	616 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	<b>MALAYSIA</b>	<b>398</b>	<b>356</b>	<b>6,250 (9)</b>	<b>14,780 (52)</b>

Nota: ( ) Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2011  
(10 hingga 16 April 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 15/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 15/2010
		Minggu 15 ( 10 – 16 April 2011)	Minggu 14 ( 3 – 9 April 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	2
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	16
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	492
14	Sabah	0	1	8	8
15	WP Labuan	0	0	0	7
	<b>MALAYSIA</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>14</b>	<b>533</b>